

09 MAY 2002

Mahathir/I

"BARU DAN MODEN" GAMBARAN MALAYSIA HARI INI

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 9 Mei (Bernama) -- Semuanya "Baru dan Moden", itulah gambaran mengenai Malaysia hari ini dan satu demi satu Wawasan 2020 Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mula jelas tersusun, kata sebuah artikel dalam akhbar harian kewangan, Business Standard.

Artikel itu "re-inventing Malaysia," yang disiarkan minggu lepas menyebut Koridor Raya Multimedia (MSC), bermula dari Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hingga ke pusat bandar Kuala Lumpur sudah sedia untuk menggerakkan negara ke arah masa depan yang berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan.

MSC sepanjang 15km itu dengan dua bandar raya pintar - Putrajaya dan Cyberjaya - adalah pemangkin kepada peralihan itu.

Penulis artikel itu, Barun Roy, berkata "Dr Mahathir banyak membangunkan infrastruktur untuk peralihan ini. Jelas sekali, membangunkan rangkaian pengangkutan yang sempurna merupakan satu daripada tumpuan utama. Di KL Sentral, ekspres lapangan terbang diselaraskan dengan pusat pengangkutan yang menghubungkan keseluruhan negara melalui kereta api dan jalan.

"Menjelang 2004, sepanjang 18km, kebanyakannya monorel bawah tanah, akan menghubungkan Kuala Lumpur dengan Putrajaya, pusat pentadbiran baru Malaysia, dengan kawasan tasek, tanah lembab dan hutan akan meliputi sembilan kali ganda keluasan tanah daripada bangunan," kata pengarang itu.

Putrajaya, projek besar bernilai \$15-bilion, menurutnya "merupakan jawapan Malaysia kepada Silicon Valley. Dibangunkan untuk menampung 300,000 penduduk dan lengkap untuk mengendalikan semua jenis laluan komunikasi multimedia, di sinilah tempat merencanakan masa depan teknologi tinggi negara.

Sebuah universiti multimedia sudahpun beroperasi dan lebih daripada 200 syarikat teknologi maklumat telah membuka pejabat di sini. Menjelang 2020, kerajaan berharap dapat menempatkan lebih 500 syarikat teknologi maklumat di Cyberjaya."

Pengarang itu merujuk kepada ucapan Dr Mahathir pada satu persidangan di Bahrain bulan lepas yang kecewa kerana tidak ada satupun negara Islam di kalangan negara-negara maju di dunia yang berbuat demikian dan menegaskan beliau mahu mengubah keadaan itu.

"Cita-cita beliau, kata pengarang itu, adalah untuk melahirkan masyarakat yang berasaskan pengetahuan dan maju dalam bidang sains, psikologinya liberal, terjamin dan maju dalam industri.

Pengarang itu berkata "banyak penekanan dibuat di Malaysia hari ini dalam memantau teknologi canggih asing dan kerajaan mewujudkan program insentif untuk menggalakkan saintis Malaysia yang bekerja di seberang laut, balik ke tanah air.

Komputer sains telah diberi status penuh di Universiti Sains Malaysia. Program matematik dan sains menyeluruh juga sedang dibangunkan untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Menjelang Julai, Agensi Angkasalepas Kebangsaan, yang selari dengan Pentadbiran Angkasalepas Kebangsaan Amerika Syarikat, dijangka beroperasi bagi merencanakan keperluan negara dalam bidang angkasalepas dan teknologi satelit dan merumuskan dasar angkasalepas kebangsaan."

Dalam ucapannya di Bahrain, pengarang itu berkata, Dr Mahathir "menyalahkan umat Islam kerana menolak ilmu pengetahuan yang menyebabkan banyak masalah timbul hari ini. Tanpa kembali kepada pengetahuan mengenai

undang-undang, kepercayaan dan amalan kepada agama, masyarakat Islam tidak akan berupaya untuk mempertahankan diri mereka sendiri."

Inilah kata pengarang itu, "beliau (Dr Mahathir) mengingatkan rakyat Malaysia: pelajari pengetahuan moden, kuasai teknologi moden, bina infrastruktur moden, kekalkan masyarakat pelbagai kaum dan menjadi sebahagian daripada masyarakat antarabangsa.

"Untuk mula diperingkat awal, kerajaan telah mengumumkan untuk melatih semula 30,000 guru sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mempromosikan bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah."

Pengarang itu memulakan artikel itu dengan menceritakan perjalanan menaiki tren ekspres sejauh 57km dari KLIA ke pusat bandar.

"Tren itu yang dikenali sebagai KLIA Express, merupakan satu lagi langkah ke hadapan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad untuk memenuhi matlamat membangunkan Malaysia yang baru dan moden.

"Hanya lima bandar raya lain di dunia - Tokyo, Hong Kong, London, Oslo dan Stockholm -- mempunyai kemudahan hubungan udara-rel dan berdasarkan tanggapan pertama, Malaysia sudahpun menang," kata pengarang itu.

-- BERNAMA

MP AHH LAT